

09/02/1998

59 Pengerusi JKKK hantar memorandum

KUALA SELANGOR, Ahad - Lima puluh sembilan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di daerah Kuala Selangor akan menghantar memorandum kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai sokongan terhadap langkah kerajaan menangani kegawatan ekonomi sekarang.

Pegawai Daerah, Ishak Ahmad berkata, tugas penting JKKK dua tahun akan datang, selain membantu kerajaan mengatasi masalah ekonomi, ialah membawa pembangunan dan pembaharuan di kampung masing-masing.

"Jika kampung tidak mempunyai sebarang perubahan atau pusat masyarakat, tadika, sekolah dan balai rayanya masih dipenuhi semak samun, penduduk tidak mempunyai semangat untuk maju dan membangun.

"Ini bermakna JKKK di kampung berkenaan gagal menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan," katanya di majlis penyampaian sijil perlantikan JKKK 1998-1999 di Dewan Malawati di sini.

Turut hadir ialah Ahli Parlimen Tanjung Karang, Noh Omar dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Burung, Datuk Mohd Aini Taib yang turut menyampaikan sijil kepada mereka yang dilantik.

Beliau berharap pelantikan itu, kebanyakannya membabitkan tenaga muda dan baru, dapat membantu pembangunan dan kesejahteraan penduduk di kampung masing-masing bagi tempoh dua tahun akan datang.

Ishak berharap semua JKKK yang dilantik akan menjalankan tugas dengan berkesan terutama dalam memberi penerangan kepada rakyat mengenai ekonomi semasa di samping mengukuhkan perpaduan masyarakat.

Menurutnya, semua JKKK perlu tahu arah tujuan bagi membolehkannya bergerak dan memberi manfaat kepada rakyat atau sebaliknya.

Beliau berharap ahli JKKK sekarang tidak melupakan jasa yang pernah dicurahkan oleh rakan mereka yang lalu.

Antara yang dilantik semula selaku pengerusi JKKK bagi sesi 1998-1999 ialah; Mohd Lana Datar (Kampung Tambak Jawa); Jalal Othman (Kampung Sungai Sembilang); Kamaruddin Abdullah (Kampung Bukit Kuching); Ahmad Ramli (Kampung Batu 12 Tanjung Karang); Marni Razali (Kampung Sungai Tengi Kiri); Datuk Hashim Mahmud (Kampung Bukit Belimbing).

Saidon Othman (Kampung Kuantan); Samuri Daud (Kampung jaya Setia); Omar Surip (Kampung Parit Mahang); Kanapiah Taib (Kampung Ijok); See Kim Thong (Kampung Seri Berjantai) dan Lim Thor (Kampung Ijok Baru).

(END)